

“ KEEP LOOKING FORWARD ”

KEPUTUSAN PERLAWANAN MELIBATKAN ATLET UTM HARI 3 (20/8/13)			
BIL	PERMAINAN	PERINGKAT	KEPUTUSAN
1	BOLA BALING (L)	KUMP.	UTM(7)-UniMAP(10)
2	BOLA BALING (W)	KUMP.	UTM (8)-UKM(16)
3	SEPAK TAKRAW	KUMP.	UTM(1)-(2)UPSI
4	MEMANAH	ACARA:RECURVE 50m (W)	(NOR HUDA) GANGSA
		ACARA:RECURVE 30m (W)	(NOR HUDA) PERAK
5	TENPIN BOWLING	DOUBLE LELAKI	AIMAN HUSNI & KWA MING SHEN ke-8
		DOUBLE WANITA	KHAIRUN SOFIEA & NUR AMALINA ke-8
6	PETANQUE	SHOOTING (SUKU AKHIR)	MAHMUD kih UPM
7	SILAT	ACARA :SENI	GANDA PUTRA ke-9 (503 mata) TUNGGAL PUTRA ke-7 (439 mata) TUNGGAL PUTRI ke-10 (382 mata)
8	FUTSAL (W)	KUMP	UTM(1) - (0)UTHM UTM(3) - (2)UIAM

JADUAL PERLAWANAN MELIBATKAN ATLET UTM HARI 4 (21 OGOS 2013)					KEPUTUSAN (SETAKAT JAM 1400)
BIL	PERMAINAN	LAWAN	WAKTU	TEMPAT	
1	BOLA BALING (L)	(SUKU AKHIR) UTM vs UTeM	0830	KOMPLEKS SUKAN UIA	UTM(21)-UTeM(16)
2	MEMANAH	ACARA : PUSINGAN OLIMPIK INDIVIDU	0900	MSN TAMAN KERAMAT	
3	SILAT	ACARA : SEPARUH AKHIR OLAH RAGA (INDIVIDU)	0800	KICT,UIAM	PUTRA C (ADAM) GANGSA PUTRA B (FAIZUL) LAYAK AKHIR
4	BOWLING	EMPAT SEPASUKAN LELAKI & WANITA (BLOK 1)	1000	ENDAH PARADE,BUKIT JALIL	
		EMPAT SEPASUKAN LELAKI & WANITA BLOK 2)	1400		
5	FUTSAL (W)	(SUKU AKHIR) UTM vs UMT	0930	DEWAN SERBAGUNA UIA	UTM(2)-UMT(2) (UTM KLH PENALTI 2-4)
6	RAGBI	UTM VS UPNM	1530	STADIUM UIAM	

SKUAD MEMANAH HASIL PINGAT

Setelah dua hari temasya Sukan Masum 2013 , akhirnya skuad memanah menjadi penyumbang pingat pertama UTM. Pada sebelah pagi, Nor Huda Azida menceriakan kontinjen UTM apabila memenangi pingat gangsa dalam acara 50 meter recurve wanita dengan mengumpul 282 mata , tewas kepada pemanah UiTM dan UniSZA yang berada di tempat pertama dan kedua. Pada sebelah petang pula, beliau memenangi pingat perak dalam acara 30 meter recurve wanita dengan mengumpul 328 mata , sembilan mata di belakang pemanah UniSZA yang memenangi emas. Hari ini Nor Huda akan bersaing lagi dalam acara pusingan kelayakan olimpik di lapang sasar MSN Keramat. Kejayaan ini diharapkan akan menaikkan semangat para atlet untuk mara lebih jauh dalam acara masing-masing.



“KAMI MAIN UNTUK MENANG !!”

Keletihan bukan penghalang bagi skuad futsal wanita UTM menampilkan aksi cemerlang untuk menang dua perlawanan dalam masa sehari. Pada sebelah pagi mereka berhempas pulas untuk menang 1-0 bertemu UTHM. Satu gol yang dihasilkan di awal permainan bertahan sehinggalah ke wisel penamat. Pada sebelah malam pula mereka bangkit daripada ketinggalan 0-2 kepada UIAM, sebelum menjaringkan tiga gol dalam masa sepuluh minit untuk menang 3-2. Hari ini mereka akan bertemu UMT dalam saingan suku akhir.




SEPAK TAKRAW , BOLA BALING WANITA PULANG AWAL

Tewas dalam kesemua perlawanan peringkat kumpulan, memaksa pasukan sepak takraw UTM melupakan hasrat untuk mencipta kejutan. Begitu juga dengan pasukan bola baling wanita yang tidak dapat mengekalkan rentak kemenangan pada perlawanan pertama apabila kalah dalam baki dua perlawanan peringkat kumpulan. Namun kedua-dua pasukan ini harus diberi pujian kerana telah memberi yang terbaik dalam kesemua aksi mereka.

HARI TUNJUK TARING

Bertempat di Stadium UIAM hari ini, UTM Pirates dijadual bertemu UPNM dalam aksi terakhir peringkat kumpulan pada jam 3.30 petang. Selepas hanya menang dengan satu “try” bertemu UKM isnin lepas UTM Pirates dijangka akan menunjukkan taring sebenar mereka untuk menewaskan UPNM.



PETANQUE KEMPUNAN LAGI

Skuad petanque UTM sekali lagi terlepas peluang untuk meraih pingat apabila wakil dalam acara shooting lelaki, Mahmud Muhamad tewas di peringkat suku akhir kepada wakil UPM. Kini harapan disandarkan dalam acara triple dan berpasukan.

